

Melaka tiada catuan air

**Oleh SHAZZUAN
SHAH MOHD SALEH**

AYER KEROH 16 April - Rakyat negeri ini boleh menarik nafas lega apabila Syarikat Air Melaka Berhad (SAMB) mengesahkan bahawa tiada catuan air selepas mengharungi kemarau panjang hampir tiga bulan.

Ketua Menteri, Datuk Seri Ir. Idris Haron berkata, anggaran tarikh catuan air pada 16 April lalu juga tidak akan berlaku kerana hujan di beberapa kawasan telah membantu meningkatkan paras air di empangan-empangan di Melaka.

“Hujan di kawasan Sungai Melaka telah berjaya meningkatkan paras air sungai dan *Bunded Storage* bagi tujuan pemprosesan air di mana keperluan air mentah di negeri ini adalah sebanyak 535 juta gelen sehari.

“Manakala keperluan air bersih sebanyak 490 juta gelen sehari bagi Negeri Melaka, program pengawalan tekanan di dalam sistem bekalan air masih diteruskan kerana dapat menjimatkan permintaan bekalan air bersih sebanyak dua juta gelen sehari.

Jelasnya, pengisian ke Empangan Durian Tunggal sebanyak lapan hingga 24

sian dari Sungai Muar ke Empangan Durian Tunggal sebanyak 30 juta gelen sehari bermula 17 Mac lalu.

“Hujan di kawasan Tampin dan beberapa kawasan tadahan meningkatkan air di Empangan Durian Tunggal dan Empangan Jus sebanyak 55 peratus.

“Manakala di Empangan Asahan menunjukkan peningkatan 77 peratus mencukupi untuk menampung

bekalan air bersih di Melaka pada masa kini,” katanya.

Idris berkata demikian ketika ditemui pemberita di pejabatnya selepas menghadiri Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) di Seri Negeri, di sini hari ini.

Tambah Idris, operasi pam-pam sokongan di Kesang I, Kesang II, kolam Tasik Air Keroh dan Tasik Biru masih dikekalkan dalam keadaan bersiap siaga

bagi menghadapi kemarau fasa dua.

“Gelombang kedua kemarau dijangka berlanjutan selama dua bulan bermula Julai ini. Oleh itu, saya mahukan negeri ini sentiasa bersedia setiap masa dalam menangani masalah air pada masa akan datang.

“Jelas Idris, kuantiti air yang digunakan bergantung kepada tekanan dan jangka masa, sebagai contoh, jika

saya guna satu paip selama 10 minit dengan tekanan air sebanyak lima bar berbanding paip kedua dengan masa sama tetapi tekanan yang digunakan hanya separuh iaitu 2.5.

“Oleh itu, kita gunakan paip kedua lebih menjimatkan berbanding paip pertama.

“Pada masa sama, Melaka juga boleh berbangga dengan cara kita menan-

gani masalah air sehingga tiada catuan dan dijadikan contoh oleh negeri-negeri lain seperti Selangor dan Negeri Sembilan.

Tegas Idris, masyarakat juga juga jangan membazir air, sebaliknya gunakannya secara berhemah.

Turut hadir Ketua Pegawai Eksekutif SAMB, Datuk Ir. Mohd. Khalid Nasir dan Ketua Jabatan Badan Kawal Selia Air, Nooralina Othman.

